



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT  
 KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TAWARAN TERTUTUP  
 TANDA PENGENALAN KENDERAAN (BILANGAN PENDAFTARAN)**

**A. TERMA DAN SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. Sila isikan **SATU BORANG** dengan lengkap untuk setiap **SATU TANDA PENGENALAN** yang dipohonkan. Pemohon adalah diperingatkan untuk mengisikan butir-butir yang tertera di dalam Borang ini dengan maklumat yang betul dan diperakui sah.
2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup berukuran 4” x 9” dengan menyertakan bersama **salinan Kad Pengenalan Pintar Pemohon, salinan Lesen Memandu Pemohon serta resit asal Bayaran Perkhidmatan sebanyak \$25.00** [jika tidak membayar melalui *BIBD Online Bill Payment (OBP)*] bagi setiap Tanda Pengenalan.
3. Sampul surat hendaklah ditandakan dengan perkataan **TAWARAN TERTUTUP TANDA PENGENALAN KENDERAAN** di bahagian atas kiri sampul surat.
4. JPD berhak untuk tidak menerima dan membatalkan mana-mana borang yang tidak lengkap dan lewat diterima. Bayaran Perkhidmatan sebanyak \$25.00 tidak akan dikembalikan sama ada tawaran berjaya ataupun sebaliknya.
5. Merujuk Siaran Akhbar JPD keluaran 9 April 2020 mengenai penutupan semua kaunter-kaunter perkhidmatan JPD dan beberapa perubahan terhadap perkhidmatan JPD **bermula hari Isnin 13 April 2020**:
  - i. Penghantaran sampul surat yang berisi Borang dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di para 2 di atas adalah melalui kaedah Pandu Lalu (*Drive Through*) samada di Ibu Pejabat JPD, Beribi, Jalan Gadong atau di Cawangan JPD Kuala Belait sebelum tarikh dan waktu tutup Tawaran.
  - ii. Pembayaran Bayaran Perkhidmatan sebanyak \$25.00 boleh dibuat melalui salah satu kaedah berikut:
    - a) Secara Pandu Lalu (*Drive Through*) semasa penghantaran sampul surat seperti diterangkan di para 5(i) di atas; atau
    - b) Melalui *BIBD Online Bill Payment (OBP)* melalui aplikasi *BIBD Online* dengan mengikuti tatacara berikut dalam aplikasi berkenaan:
 

<i>Payment Services/Donation</i> → <i>Pay Bill/Make Donation</i> → <i>All Payees</i> → <i>Select JPD (CAJ PERKHIDMATAN)</i> dan sila masukkan keterangan selanjutnya seperti berikut:		
<i>Bill/Reference No.1</i>	:	Taip Nombor Kad Pengenalan Pintar Pemohon atau Nombor Sijil Syarikat
<i>Reference No.2</i>	:	Taip Nama Pemohon atau Nama Syarikat
<i>Reference No.3</i>	:	Taip rujukan borang diikuti dengan siri dan nombor yang ditender. Contoh: TPK1BAY99
  - iii. Pembayaran perlu dibuat sebelum tarikh dan waktu tutup Tawaran.
6. **Harga tawaran** bagi setiap Tanda Pengenalan adalah seperti berikut:
  - i. Kategori **Khas** iaitu semua tanda pengenalan **satu (1) angka** untuk ditawarkan pada **harga minima tidak kurang B\$5,000.00**;
  - ii. Kategori **Emas** iaitu semua tanda pengenalan **dua (2) angka serta** tanda pengenalan **tiga (3) dan empat (4) angka terpilih** untuk ditawarkan pada **harga minima tidak kurang B\$2,000.00**;
  - iii. Kategori **Perak** iaitu tanda pengenalan **tiga (3) dan empat (4) angka terpilih** untuk ditawarkan pada **harga minima tidak kurang \$500.00**; dan
  - iv. Kategori **Biasa** iaitu tanda pengenalan **tiga (3) dan empat (4) angka yang lain** untuk ditawarkan pada **harga minima tidak kurang \$100.00**.
7. Sila pastikan maklumat mengenai alamat persuratan, emel dan nombor yang mudah dihubungi adalah betul, lengkap dan jelas bagi memudahkan Jabatan ini menghubungi Pemohon mengenai keputusan Tawaran atau maklumat lanjut (jika ada).

8. Penender berjaya hendaklah melunaskan keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan Tanda Pengenal yang ditawarkan di atas nama Penender sendiri tidak lewat dalam tempoh **satu (1) bulan** dari tarikh Surat Pemberitahuan Tawaran Berjaya Jabatan ini dikeluarkan.
9. Tanda Pengenal yang dimenangi boleh didaftarkan pada bila-bila masa bermula daripada tempoh surat ini dengan syarat-syarat seperti berikut:
  - i. Penender berjaya perlu melunaskan keseluruhan harga tawaran dalam tempoh yang dinyatakan di para 7 di atas sebelum boleh menghadapkan Permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar Tanda Pengenal;
  - ii. Sebarang **permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar Tanda Pengenal** kemudiannya **perlu dihadapkan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Surat Pemberitahuan Tawaran Berjaya Jabatan ini dikeluarkan;**
  - iii. **Kebeneran melanjutkan tempoh mendaftar Tanda Pengenal** yang akan diberikan adalah bagi **tempoh tiga (3) tahun** sahaja;
  - iv. Pemohon akan dikenakan bayaran (*holding fee*) sebanyak **\$60.00** dan wang bayaran ini tidak akan dikembalikan; dan
  - v. Sekiranya Tanda Pengenal masih tidak didaftarkan selepas tempoh tiga (3) tahun, Jabatan ini berhak menarik balik kebenaran memiliki Tanda Pendaftaran dengan segala bayaran tidak akan dikembalikan.
10. **Tanda Pengenal yang sudah dibayar** sama ada sudah atau belum didaftarkan (tertakluk juga kepada tempoh yang dinyatakan di para 7 dan 8 di atas) **boleh diserahkan kepada sesiapa sahaja** dengan dikenakan **Bayaran Perkhidmatan \$5.00** sahaja. Sebarang permohonan untuk menyerahkan/ menukar milik Tanda Pengenal yang belum didaftarkan hendaklah **dihadapkan ke Jabatan in sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh mansuh surat Pemberitahuan Tawaran Berjaya** Jabatan ini atau **sebelum mansuh tarikh Kebeneran melanjutkan tempoh mendaftar Tanda Pengenal.**
11. Jika Penender berjaya gagal melunaskan pembayaran atau/ dan mendaftarkan Tanda Pengenal yang telah ditawarkan mengikut syarat-syarat dan tempoh yang telah ditetapkan seperti di para 8 dan 9 di atas, maka Jabatan ini berhak untuk menarik balik Tanda Pengenal berkenaan dan akan ditawarkan semula kepada orang ramai. Sebarang wang pembayaran yang telah dilunaskan TIDAK akan dikembalikan.
12. JPD ini berhak membatalkan permohonan dari Penender yang mempunyai 3 atau lebih tanda pengenal yang belum dibayar atau/dan berdaftar.
13. JPD berhak pada bila-bila masa, membatalkan atau mengubah mana-mana bahagian terma dan persyaratan ini tanpa perlu memberikan apa-apa notis kepada Penender.
14. **Syarat-syarat yang telah dinyatakan di atas adalah berpandukan kepada *Road Traffic (Identification Marks) Regulations, 2008*** dan dasar-dasar yang berjalan pada masa ini.



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BORANG TAWARAN TERTUTUP TANDA PENGENALAN KENDERAAN**  
(Bilangan Pendaftaran)

**B. Untuk disikan oleh Pemohon**

1. **Tanda Pengenalan yang dipohonkan:**

--	--	--	--	--	--	--	--

2. **Harga Tawaran (hendaklah diisikan selepas membuat bayaran perkhidmatan \$25.00) dan sila tulis harga tawaran dengan betul dan jelas diruang yang disediakan.**

(a) **Jumlah dalam bentuk angka: \$**

--	--	--	--	--	--	--	--

(b) **Jumlah dalam bentuk perkataan:** .....  
.....  
.....

3. **Nama Pemohon:** .....

4. **No. Kad Pintar / No. Sijil Syarikat:** .....

5. **Alamat Persuratan:**

	Poskod	

6. **No. Telefon:** ..... 7. **Emel:** .....

**Saya mengaku bahawa keterangan yang saya berikan diatas adalah benar dan telah membaca serta bersetuju dengan terma dan syarat-syarat yang dilampirkan bersama Borang ini.**

**Tandatangan Pemohon:** ..... **Tarikh:** .....

**Untuk Kegunaan Pejabat**

Tarikh Membuka Tawaran: .....

Borang diteliti oleh:

Tandatangan Saksi 1 (MTIC): .....

Tandatangan Saksi 2 ( ): .....

Tandatangan Saksi 3 ( ): .....

Disahkan oleh Pegawai JPD:

Pegawai 1: .....

Pegawai 2: .....

Tarikh: .....

Untuk Kerani Kutipan Bayaran